

02 AUG 1997

Mahathir-Penyeragaman

MENTERI-MENTERI BESAR SETUJU TUMPUAN PENEKANAN UNDANG-UNDANG ISLAM

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata menteri-menteri besar bersetuju supaya cadangan penyeragaman undang-undang Islam di semua negeri memberi tumpuan kepada aspek jenayah.

Perdana Menteri berkata mereka mahu memastikan penyeragaman itu tidak hanya memberikan penekanan kepada hal-hal seperti pakaian.

"Menteri-menteri besar menyokong (langkah penyeragaman itu) dan memahami masalah ini.

"Mereka mahu memastikan tumpuan diberikan kepada masalah seperti mereka yang memperkosa anak sendiri, perogol, suami yang memukul isteri dan penagihan dadah daripada memberi penekanan terhadap pakaian seseorang," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MINES) bernilai RM300 juta di Sungai Besi di sini.

Dr Mahathir ditanya mengenai pertemuan beliau dengan menteri-menteri besar baru-baru ini untuk memaklumkan mereka mengenai persetujuan raja-raja Melayu, kecuali Sultan Kedah, dengan cadangan Kerajaan Pusat untuk menyeragamkan undang-

-undang Islam di semua negeri.

Keputusan itu dicapai pada Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu ke-176 di sini Khamis lepas.

Dr Mahathir juga berkata kadang-kadang pegawai-pegawai agama Islam negeri dan orang tertentu "berselindung di belakang raja-raja" dalam hal yang berkaitan agama Islam.

"Mereka kononnya berkata ini ialah bidang kuasa raja dan bukan bidang kuasa pentadbiran...dalam Majlis Agama Islam Negeripun mereka berkata pegawai agama tidak ada kena mengena dengan pemerintah," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata antara perkara lain yang dibincangkan beliau dengan menteri-menteri besar ialah penyalahgunaan khutbah Jumaat oleh golongan tertentu untuk tujuan politik yang tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Isu penyeragaman undang-undang Islam yang berbeza di negeri-negeri timbul ekoran tindakan Majlis Agama Islam Selangor yang menghadapkan tiga wanita Islam ke mahkamah kerana menyertai pertandingan ratu cantik bulan lepas.

Menyentuh ancaman jerebu yang kini melanda negara dipercayai antara lain disebabkan kebakaran hutan di Sumatera dan Borneo, Dr Mahathir berkata Malaysia ingin bekerjasama dengan Indonesia untuk mengatasi masalah itu.

Katanya Malaysia bersedia menampung sebahagian daripada kos untuk memadamkan kebakaran terbabit.

Sebelum itu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia telah dapat membuktikan berulang-kali bahawa mereka berupaya melaksanakan projek-projek raksasa.

"Banyak orang tidak percaya mengenai kebolehan Malaysia untuk membina projek-projek raksasa tetapi kita telah menunjukkan berulang-kali bahawa di Malaysia, kita boleh," katanya. -- BERNAMA

MAM AKD